

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM [TAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan perkara yang berkaitan dengan Kertas Putih FELDA berhubung Program Pembangunan Peneroka. Apakah program yang telah dilaksanakan dan sejauh mana ia telah mendatangkan faedah kepada peneroka.

**JAWAPAN****DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Pembangunan Peneroka (PPP) merupakan salah satu inisiatif di bawah Kertas Putih FELDA. Objektif utama inisiatif ini adalah bagi memberikan pendapatan tambahan kepada warga peneroka FELDA melalui aktiviti pertanian atau ternakan selain pendapatan utama daripada tanaman kelapa sawit atau getah. Selain itu, PPP juga akan membolehkan kawasan FELDA menjadi kawasan pengeluaran makanan negara selain mentransformasi masyarakat FELDA sebagai sebuah komuniti yang moden, mandiri dan mampan.
2. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan PPP yang mana penyaluran dana kepada FELDA dibuat berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek. Pelaksanaan PPP dibuat secara 3 model iaitu model peneroka, model komersil dan model bersama Agrobank. Setiap model ini mempunyai dua kategori pelaksanaan iaitu sama ada individu (plasma) atau koperasi peneroka. Sehingga kini, sebanyak 5,830 projek PPP telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 47,920 warga FELDA.
3. Warga FELDA yang berminat untuk menyertai program PPP ditawarkan 10 jenis aktiviti pertanian atau ternakan seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Aktiviti Pertanian/ Ternakan</b>
Koperasi/badan	Burung Walit
	Arnab
	Ikan tilapia
	Ayam pedaging
Plasma (individu)	Arnab

	Ayam kampung
	Cili fertigasi
	Lebah kelulut
	Biri-biri/ Kambing
	Ikan tilapia

4. Daripada 5,830 projek PPP yang telah dilaksanakan, 116 projek atau 2% adalah projek akuakultur, 2,390 projek atau 41% adalah projek tanaman dan baki 3,324 atau 57% adalah projek ternakan. Bagi memastikan projek-projek PPP mencapai objektif ditetapkan, FELDA menjalinkan kerja sama dengan agensi-agensi berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Pertanian, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), MARDI, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Perikanan dan FAMA.
5. Taburan lokasi projek PPP seluruh negara adalah seperti berikut:

<b>Wilayah</b>	<b>Bilangan Projek</b>
Alor Star	291 projek (5%)
Trolak	932 projek (16%)
Mempaga	233 projek (4%)
Raja Alias	641 projek (11%)
Segamat	291 projek (5%)
Johor Bahru	583 projek (10%)
Kuantan	684 projek (12%)
Jengka	112 projek (2%)
Terengganu	932 projek (16%)
Gua Musang	340 projek (6%)
Sahabat	808 projek (14%)

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa  
Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 013-346 6939